



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْاَهْوَالِ الْاِسْلَامِيَّةِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

06 RAMADAN 1446H / 07 MAC 2025M

"ANAK YATIM: MANA PERANAN KITA?"

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH JUMAAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:
إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ آلِيَتَمَى ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا
وَسَيَصْلُونَ سَعِيرًا ﴿١٠﴾ [النساء: 10]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٣﴾

SAUDARAKU MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Kita bersyukur di Jumaat pertama pada bulan Ramadan yang mulia ini kita masih diberikan peluang menghirup udara segar dan menikmati kehidupan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Baginda Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda dan para sahabat. Hari ini khutbah akan membicarakan satu isu penting yang sering diabaikan oleh masyarakat, iaitu **“Anak Yatim: Mana Peranan Kita?”**

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Ramadan adalah bulan penuh keberkatan dan mulia disisi umat Islam yang mana pada bulan ini pintu rahmat dan keampunan Allah SWT terbuka seluas-luasnya. Ketika bulan Ramadan baru bermula, ada segelintir dari kita sudah mulai sibuk dan berkira-kira untuk melakukan persiapan bulan Syawal pula. Ada yang sibuk melakukan persiapan menggantikan perabot rumah yang baharu serta pakaian baharu sedondon. Namun begitu, terfikirakah kita betapa sedihnya anak yatim yang hanya mampu meratapi dan merindukan kasih sayang dan pelukan orang tua dan keluarga tercinta dengan deraian air mata. Ketika kita merancang untuk berbuka dengan makanan yang lazat, mereka mungkin hanya menunggu simpati orang lain demi sesuap makanan.

Bayangkan jika kita berada di tempat mereka. Mungkinkah sedikit sedekah yang diterima mampu melakar senyuman di wajah mereka atau mereka sekadar merenung nasib yang tidak berpenghujung?

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN.

Islam sangat menitikberatkan penjagaan anak-anak yatim. Mereka adalah golongan yang diuji dengan kehilangan salah seorang ibu atau bapa, atau kedua-duanya sekali. Mereka memerlukan kasih sayang, perhatian, serta bantuan daripada kita semua. Allah SWT berfirman dalam surah ad-Dhuha, ayat 9:

فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ ﴿٩﴾

Maksudnya: “Oleh itu, adapun anak yatim maka janganlah engkau berlaku kasar terhadapnya.”

Ayat ini mengingatkan kita agar tidak mengabaikan atau menzalimi anak-anak yatim, sebaliknya memberikan layanan yang baik kepada mereka. Rasulullah SAW sendiri adalah seorang anak yatim semenjak kecil lagi. Baginda sangat mengasihi golongan anak-anak yatim.

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda **maksudnya:** *“Orang yang menanggung anak yatim miliknya atau milik orang lain, aku dan dia seperti dua ini (Nabi SAW mengisyaratkan dengan dua jari baginda SAW) di syurga.”* [Riwayat Muslim, (2983)]

Hadis ini jelas menunjukkan betapa tingginya kedudukan mereka yang menjaga anak yatim.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Mengabaikan atau menzalimi anak-anak yatim bukan sekadar perbuatan tidak berperikemanusiaan, malah ia adalah dosa besar yang membawa azab Allah SWT. Allah SWT memberi amaran melalui firman-Nya dalam surah an-Nisaa', ayat 10:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا
وَيَصِصُونَ سَعِيرًا ﴿١٠﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.”*

Ayat ini jelas memberi peringatan kepada mereka yang merampas harta anak yatim atau menzalimi mereka. Balasan yang menunggu di akhirat nanti amatlah berat dan dahsyat.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH SWT,

Ramadan bukan sekadar bulan berpuasa, tetapi juga bulan untuk meningkatkan amal kebajikan. Membantu anak-anak yatim di bulan Ramadan membawa ganjaran besar di sisi Allah SWT.

Sabda Rasulullah SAW yang **bermaksud**: *“Barangsiapa memberi makan kepada orang yang berpuasa, maka baginya pahala seperti orang yang berpuasa itu, tanpa mengurangi pahala orang berpuasa tersebut sedikit pun”*. (HR at-Tirmizi)

Jika memberi makan kepada orang yang berpuasa mendapat pahala yang besar, bayangkanlah betapa besarnya ganjaran yang diperolehi jika kita memberi makan kepada anak-anak yatim yang juga sedang berpuasa.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai umat Islam yang prihatin, kita boleh membantu anak-anak yatim dengan pelbagai cara, antaranya:

1. Menyediakan pakaian dan keperluan raya mereka. Jangan biarkan mereka terasa tersisih ketika kita bergembira menyambut Syawal.
2. Menyumbang kepada rumah kebajikan atau pusat perlindungan anak-anak yatim.

3. Mengajak mereka berbuka puasa bersama, akan membuat mereka rasa dihargai dan disayangi.
4. Menghormati hak-hak mereka, jangan sesekali mengambil kesempatan atau menzalimi mereka dalam apa jua bentuk.

Sebagai kesimpulan, Ramadan adalah bulan untuk melipatgandakan amal kebajikan. Menyantuni anak-anak yatim adalah antara amalan yang paling disukai Allah SWT. Marilah kita jadikan Ramadan kali ini lebih bermakna dengan membantu dan menggembirakan anak-anak yatim.

Dari Abu Hurairah R.A, Nabi SAW bersabda yang **bermaksud**: *“Jikalau kamu mahu hati kamu lembut maka berilah makan orang miskin dan usaplah kepala anak yatim.”* (HR Ahmad dan Al-Baihaqi dan Al-Munzhiri)

Allah SWT juga turut menegaskan melalui firman-Nya dalam surah al-Maa'uun, ayat 1 dan 2:

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالدِّينِ ۚ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتِيمَ ۝

Maksudnya: *“Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim,”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/
maklumat lanjut.